

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN WONG TACK [ BENTONG ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah jaminan PDF untuk sisa radioaktif Lynas tidak akan retak atau rosak. Sekiranya keretakan/kerosakan berlaku, bagaimana ia akan dibaiki.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Setiap fasa pembinaan bermula daripada rekabentuk sehingga pentauliahkan kemudahan Kemudahan Pelupusan Tetap (*Permanent Disposal Facility*, PDF) hendaklah disahkan oleh Jurutera Profesional bertauliah. Lynas juga telah disyaratkan untuk melantik pihak ketiga yang bebas (*Independent Third Party*) untuk melaksanakan penilaian berkala ke atas kemajuan pembinaan PDF dan mengemukakan laporan penilaian tersebut kepada AELB.

Pembinaan PDF hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB). Syarat-syarat yang ditetapkan ini adalah termasuk ketahanan/integriti struktur binaan PDF dalam menampung perubahan persekitaran dan residu itu sendiri. Kajian yang dijalankan turut membabitkan keupayaan PDF tersebut dalam mengelakkan sebarang cecair kepada persekitaran dan orang awam. Syarat-syarat yang ditetapkan adalah selaras dengan piawaian yang ditetapkan di peringkat antarabangsa. AELB juga akan

melakukan pemantauan secara berterusan ke atas aktiviti pembinaan tersebut dari masa ke semasa.

Dalam syarat lesen juga, Lynas telah disyaratkan untuk melantik pihak ketiga yang bebas (*Independent Third Party*) untuk melaksanakan penilaian berkala ke atas kemajuan pembinaan PDF dan pembinaan loji *Cracking and Leaching* dan mengemukakan laporan penilaian tersebut kepada Lembaga.

Standard yang dirujuk dalam pembinaan PDF adalah seperti berikut:

1. Garis Panduan Kawalan Hakisan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS);
2. Garis Panduan Reka Bentuk Kecerunan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR); dan
3. *Garis panduan penggunaan pelapik bagi menahan resapan air (kebolehterlapan, permeability) oleh (United States Environmental Protection Agency) (USEPA, 1989)."*

Sekian, terima kasih.